



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



**Laporan Peperiksaan**

# **STPM 2023**



## **Pengajian Am (900)**



# Pengajian Am **900/1**

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 44 770 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 55.64% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.00	4.23	5.17	10.30	10.28	8.26	13.40	9.49	9.10	8.29	17.48

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

#### *Kunci jawapan*

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	6	C	11	A
2	C	7	A	12	B
3	A	8	A	13	C
4	C	9	D	14	D
5	B	10	D	15	B

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A pada semester ini berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan jawapan atau respons calon, didapati bahawa soalan aneka pilihan ini mempunyai aras kesukaran yang sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana sebanyak 30% hingga 60% calon berjaya menjawab soalan aneka pilihan ini dengan betul.

### BAHAGIAN B DAN C: *Struktur dan Esei*

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon dalam Bahagian B menunjukkan peningkatan yang ketara, dengan majoriti calon mampu menjawab soalan 16 dan 17 dengan baik serta menguasai fakta yang diperlukan. Walau bagaimanapun, kelemahan jelas ketara dalam soalan 18 dan 19 kerana ramai calon tidak menguasai konsep dan fakta, menyebabkan jawapan calon tidak berfokus dan tidak tepat. Pengurusan masa yang kurang baik juga menyebabkan sesetengah calon meninggalkan bahagian ini tanpa jawapan.

Selain itu, bagi Bahagian C pula walaupun calon memahami kehendak soalan, jawapan yang diberikan kurang memuaskan kerana majoriti calon hanya memberikan satu hingga dua idea dengan huraian yang ringkas dan tidak cukup mendalam. Tahap kematangan dalam mengembangkan huraian dianggap sederhana dan terdapat calon yang menjawab soalan tidak menepati jumlah patah perkataan yang ditetapkan.

### ***Komen soalan demi soalan***

#### **BAHAGIAN B: Soalan Struktur**

##### **Soalan 16**

Soalan ini meminta calon menyatakan tiga perkara sensitif di bawah Perlembagaan Persekutuan yang tidak boleh dipersoalkan oleh seseorang ahli Parlimen.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Kedudukan/hak istimewa orang Melayu/anak negeri Sabah/Sarawak
- Kewarganegaraan
- Bahasa Kebangsaan
- Kedaulatan Raja-Raja Melayu
- Agama persekutuan

Berdasarkan analisis jawapan calon bagi soalan yang berkaitan dengan perkara sensitif di bawah Perlembagaan Persekutuan yang tidak boleh dipersoalkan oleh ahli Parlimen, calon menunjukkan beberapa kekuatan dan kelemahan.

Dari segi kekuatan, sebahagian besar calon dapat mengenal pasti idea-idea utama, seperti kedudukan dan hak istimewa orang Melayu/anak negeri Sabah dan Sarawak, bahasa kebangsaan, kedaulatan Raja-Raja Melayu, dan agama persekutuan dengan tepat. Terdapat juga calon yang berjaya memberikan sekurang-kurangnya satu jawapan yang betul.

Walau bagaimanapun, kelemahan yang ketara dikesan apabila ramai calon gagal menjawab kehendak soalan dengan lengkap, iaitu tidak menyatakan ketiga-tiga perkara tersebut. Terdapat calon yang menyalah tafsir soalan dengan menyatakan isu sensitif berkaitan dengan ahli Parlimen, seperti isu peribadi yang tidak relevan dengan kehendak soalan. Sebahagian calon juga memberikan jawapan yang terlalu ringkas, seperti “agama”, “bahasa”, dan “warganegara” tanpa huraian yang mencukupi. Selain itu, ramai calon keliru antara “bahasa rasmi” dan “bahasa kebangsaan”, serta mengemukakan idea yang tidak tepat, seperti adat dan budaya orang Melayu.

Secara keseluruhan, jawapan calon perlu lebih berfokus kepada kehendak soalan dengan idea yang lebih jelas dan tepat.

##### **Soalan 17**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan empat kuasa Mahkamah Persekutuan.

Berdasarkan prestasi calon dalam soalan ini, didapati bahawa sebahagian calon mampu memberikan jawapan yang tepat, terutamanya dalam menyatakan fungsi Mahkamah Persekutuan, seperti mentafsir undang-undang, menyelesaikan pertikaian antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri, serta memutuskan rayuan daripada mahkamah rayuan atau mahkamah tinggi. Ini menunjukkan calon mempunyai pemahaman yang baik mengenai bidang kuasa Mahkamah Persekutuan. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan yang ketara kerana ramai calon tidak dapat memberikan jawapan

yang tepat dan keliru dengan memberikan jawapan, seperti mengadili kes sivil dan jenayah, menjatuhkan hukuman mati, dan menyemak undang-undang. Kesalahan dalam penggunaan istilah, seperti 'menggubal' bagi 'mentafsir' dan 'isu' bagi 'pertikaian' juga menyebabkan kekurangan markah. Oleh itu, calon disarankan untuk memperkukuh pemahaman mereka mengenai peranan khusus Mahkamah Persekutuan serta menggunakan istilah undang-undang dengan lebih tepat dalam menjawab soalan.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Mentafsir Perlembagaan
- Mentafsir sesuatu undang-undang
- Menentukan kesahan undang-undang yang digubal oleh Parlimen atau DUN
- Menentukan/Menyelesaikan/Memutuskan pertikaian antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri/antara negeri dengan negeri
- Mendengar/Memutuskan rayuan daripada Mahkamah Rayuan/Mahkamah Tinggi
- Memutuskan soal-soal berbangkit di mahkamah berkaitan dengan peruntukan Perlembagaan
- Memberikan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong tentang Perlembagaan apabila dirujuk
- Membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan

### **Soalan 18**

Soalan ini menghendaki calon untuk menghuraikan dua fungsi Pihak Berkuasa Tempatan.

Berdasarkan prestasi calon dalam menjawab soalan berkaitan dengan kuasa kerajaan tempatan, terdapat beberapa kekuatan yang boleh dilihat. Sebahagian calon dapat memberikan sekurang-kurangnya satu idea tepat, terutamanya mengenai pengeluaran lesen tertentu dan pengurusan cukai. Beberapa calon juga menunjukkan pemahaman yang baik dengan menggunakan istilah yang hampir bertepatan dengan skema pemarkahan.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Merancang/mengawal pembangunan
- Mengeluarkan/mengawal lesen-lesen tertentu
- Menguruskan sistem pengangkutan awam
- Mengawal pembangunan tanah
- Mengawal selia perkhidmatan kebersihan
- Menyediakan/menyelenggara kemudahan awam
- Memberikan perkhidmatan kesihatan
- Pengurusan cukai dan sumber-sumber hasil
- Memantau pelupusan sisa pepejal dan pembersihan bandar
- Penguatkuasaan pengurusan pembandaran
- Membangunkan sosioekonomi bandar
- Menyediakan landskap bandar

Namun begitu, kelemahan utama dalam jawapan calon ialah kegagalan menggunakan istilah yang tepat, seperti yang dikehendaki oleh skema jawapan. Ramai calon mengemukakan idea yang kurang lengkap, seperti hanya memberikan jawapan "mengeluarkan lesen perniagaan" tanpa memperincikan lesen-lesen tertentu atau memberikan jawapan "menyediakan kemudahan" tanpa menjelaskan kemudahan awam. Walaupun calon mempunyai idea yang berkaitan, kebanyakan mereka hanya

berupaya menyatakan dua idea yang menepati kehendak skema jawapan. Selain itu, terdapat juga kekeliruan kerana calon menyentuh kuasa kerajaan negeri terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), yang bukanlah fokus soalan, seperti mengemukakan idea mengenai kelulusan pinjaman daripada kerajaan negeri atau meluluskan anggaran belanjawan. Ramai calon turut memberikan jawapan yang tidak berkaitan dengan soalan, menyebabkan markah tidak diperoleh.

### **Soalan 19**

Soalan ini menghendaki calon untuk menyatakan empat cabaran penggunaan Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi (TMK) dalam sektor awam di Malaysia.

Antara cabaran penggunaan Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi (TMK) dalam sektor awam di Malaysia yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Kurang kemahiran TMK
- Gangguan perkhidmatan
- Kemudahan asas tidak menyeluruh
- Kos yang tinggi
- Peranti TMK tidak terkini
- Kemudahan akses internet tidak menyeluruh
- Kurang bimbingan penggunaan TMK

Berdasarkan pemerhatian terhadap prestasi calon dalam menjawab soalan berkaitan dengan cabaran kerajaan dalam penggunaan TMK, terdapat beberapa kekuatan yang boleh dilihat. Sebahagian kecil calon dapat menyatakan dengan betul idea yang berkaitan dengan kekurangan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) serta kos yang tinggi, selaras dengan kehendak skema jawapan. Namun begitu, kelemahan yang ketara kerana ramai calon hanya menyatakan idea mengikut logik umum tanpa merujuk cabaran yang dihadapi oleh pihak kerajaan. Sebaliknya, mereka memberikan jawapan yang lebih umum, seperti isu warga emas kurang celik ICT, masalah rangkaian internet, dan kekurangan tenaga mahir. Idea-idea ini lebih berkaitan dengan masyarakat atau pengguna.

Selain itu, calon juga didapati tidak menulis jawapan dari perspektif kerajaan, walaupun itu merupakan kehendak soalan. Ada yang menjawab soalan dari perspektif masyarakat atau pengguna, yang menyebabkan jawapan mereka tersasar. Kesilapan lain termasuklah calon yang memberikan cadangan langkah, seperti meningkatkan latihan penggunaan TMK, yang tidak tepat dengan kehendak soalan yang meminta cabaran. Beberapa jawapan juga tidak mencapai maksud sebenar, contohnya calon menyatakan 'tiada kemudahan internet', sedangkan jawapan yang lebih tepat ialah 'kemudahan akses internet yang tidak menyeluruh'.

Ini menunjukkan bahawa pemahaman terhadap kehendak soalan dan penggunaan istilah yang tepat masih menjadi cabaran utama bagi sebahagian besar calon.

### **BAHAGIAN C: Soalan Esei**

#### **Soalan 20**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam secara digital bagi meningkatkan kecekapannya.

Antara usaha kerajaan yang boleh dikemukakan oleh calon untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Memantapkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dalam perkhidmatan digital
- Menambah baik manual kerja/fail meja secara digital
- Memantapkan penilaian prestasi secara digital
- Mempergiat latihan kemahiran digital
- Meningkatkan penggunaan inovasi digital
- Meningkatkan kemudahan perkhidmatan secara dalam talian
- Meluaskan capaian digital ke seluruh negara
- Mengaktifkan pemudahcaraan latihan digital
- Meningkatkan kemudahan peralatan
- Memantapkan pelan pendigitalan semua agensi awam
- Mewujudkan program pembudayaan digital

Secara keseluruhan, majoriti calon dapat menyatakan idea “Mempergiat latihan kemahiran digital” dengan tepat dan berjaya menghuraikan idea tersebut dengan contoh-contoh yang relevan. Calon juga menunjukkan kebolehan mengarang esei dalam format lengkap walaupun terdapat kekurangan dalam ketepatan idea.

Namun demikian, kelemahan utama yang dikesan ialah calon gagal menyenaraikan idea mengikut kehendak skema pemarkahan, terutamanya disebabkan oleh penggunaan kata kerja yang tidak tepat. Sebagai contoh, calon menyatakan “menyediakan latihan” sedangkan idea yang tepat ialah “mengiatkan latihan”. Ramai calon juga tidak memahami kehendak soalan sepenuhnya, mengarahkan jawapan mereka kepada langkah-langkah umum untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Antara kesalahan yang sering dilakukan termasuk mengemukakan idea tentang penggunaan teknologi moden dan bilangan kakitangan yang tidak berkaitan dengan skop soalan.

Tambahan pula, ada calon yang menyelewengkan esei dengan membincangkan idea mengenai tadbir urus yang baik dalam sektor perkhidmatan awam, seperti fokus kepada pelanggan dan budaya kerja beretika. Sebahagian lagi calon membincangkan langkah-langkah untuk menangani jenayah siber atau memberikan cadangan yang berkaitan dengan perkhidmatan dalam talian, yang tidak sesuai dengan kehendak soalan. Kesemua kekurangan ini menunjukkan bahawa calon perlu lebih memahami konteks soalan dan memberikan tumpuan kepada idea yang tepat dan berkaitan.

## **Soalan 21**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kepentingan kestabilan politik untuk kemajuan negara dan halangan yang perlu dihadapi bagi mencapai hasrat tersebut.

Antara kepentingan kestabilan politik untuk kemajuan negara yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Mewujudkan keamanan
- Meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara
- Meningkatkan imej negara
- Mengekalkan pemerintahan/pentadbiran negara yang baik
- Mengekalkan kedaulatan negara

- Melancarkan pelaksanaan dasar pembangunan negara
- Mengekalkan perpaduan
- Menjamin kesejahteraan

Selain itu, antara halangan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Masyarakat kurang bersatu padu
- Perbezaan fahaman politik
- Pengaruh anasir luar
- Ketaksuban kepada pemimpin/parti politik
- Kepelbagaian parti politik
- Penyalahgunaan media komunikasi

Kekuatan utama ialah majoriti calon menepati format jawapan dengan baik. Ramai calon memperoleh markah untuk bahagian 'Kepentingan', dengan menyatakan idea-idea, seperti mewujudkan keamanan, meningkatkan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan imej negara, dan mengekalkan kedaulatan negara dengan tepat. Bagi bahagian 'Halangan', calon turut berjaya mengemukakan idea, seperti masyarakat yang kurang bersatu padu.

Namun demikian, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti. Sebilangan besar calon mengemukakan idea yang tidak menepati skema jawapan, seperti 'menjamin keselamatan negara' bukannya 'menjamin keamanan'. Selain itu, ada calon yang gagal memberikan idea yang tepat dan hanya menyentuh idea kurang tepat, seperti 'menarik pelabur asing' bagi meningkatkan ekonomi negara. Ramai juga calon keliru antara 'cabaran' dan 'halangan' untuk mencapai kestabilan politik. Kesalahan penggunaan istilah dan ketidaktepatan dalam penulisan idea menyebabkan esei calon tersasar daripada skema jawapan, dengan sebahagian karangan menyeleweng sepenuhnya kerana membincangkan halangan memajukan negara dan bukannya kestabilan politik.

## Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan pelbagai cabaran untuk menyatupadukan rakyat di negara ini.

Antara cabaran yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Perbezaan ideologi politik
- Wujud jurang ekonomi
- Perbezaan sistem pendidikan
- Pengaruh budaya asing yang negatif
- Perbezaan budaya/agama
- Pemisahan fizikal
- Pengaruh negatif media massa/media sosial
- Penguasaan bahasa kebangsaan yang lemah
- Sikap negatif masyarakat
- Halangan mentaliti
- Proses sosialisasi yang terhad



- Terhakisnya sifat toleransi antara kaum
- Mempertikaikan Perlembagaan Persekutuan

Berdasarkan pemerhatian terhadap jawapan calon, kekuatan utama yang dikenal pasti ialah kebolehan majoriti calon menyatakan beberapa idea penting dengan betul. Antaranya, mereka berjaya mengemukakan idea, seperti perbezaan ideologi politik, wujudnya jurang ekonomi, perbezaan sistem pendidikan, perbezaan budaya dan agama, serta pemisahan fizikal. Terdapat juga calon yang dapat memberikan antara tiga hingga lima idea yang tepat berserta dengan huraian yang baik, menunjukkan pemahaman yang mantap.

Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian. Majoriti calon gagal menggunakan perkataan yang tepat, menyebabkan mereka hanya memperoleh satu markah bagi setiap idea. Sebagai contoh, calon menyatakan 'pengaruh budaya asing' tetapi tidak menyertakan perkataan 'negatif', atau hanya menulis 'pengaruh media sosial' tanpa menyatakan aspek negatifnya. Kesilapan ini menyebabkan calon kehilangan markah penting. Selain itu, ramai calon tidak menggunakan istilah 'perbezaan' bagi beberapa idea, seperti perbezaan ideologi politik, sistem pendidikan, dan budaya yang mengakibatkan calon hanya memperoleh markah separa.

Di samping itu, sebilangan besar calon tidak mengemukakan idea penting, seperti halangan mentaliti, proses sosialisasi yang terhad, dan mempertikai Perlembagaan Persekutuan yang menyebabkan mereka gagal menjawab sepenuhnya mengikut kehendak soalan. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan tidak relevan dengan menekankan faktor ancaman keselamatan dan ketidakstabilan politik yang tidak berkaitan dengan perpaduan. Kesalahan lain termasuk menyentuh kesan perpaduan yang longgar dan langkah meningkatkan perpaduan yang tidak diminta dalam soalan. Sebilangan calon juga gagal menyiapkan esei dengan lengkap, hanya mengemukakan satu atau dua idea tanpa kesimpulan.

Secara keseluruhan, calon perlu lebih berhati-hati dalam memilih istilah yang tepat dan memahami kehendak soalan sepenuhnya bagi memastikan jawapan mereka menepati skema jawapan yang ditetapkan.

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 42 007 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 58.76% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.29	9.73	8.67	12.38	6.51	6.55	6.64	9.58	5.96	8.49	17.20

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhan, prestasi calon dalam Bahagian A masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Kebanyakan calon tidak menunjukkan penguasaan yang baik terhadap fakta. Selain itu, calon juga tidak memahami dengan jelas kehendak soalan, menyebabkan mereka gagal mempersembahkan idea jawapan yang selaras dengan skema jawapan. Kelemahan ini ketara apabila calon tidak dapat berfikir secara kritis dan kreatif dalam menjawab soalan yang memerlukan pemikiran yang mendalam. Di samping itu, calon tidak memahami konsep asas yang diperlukan dalam soalan, menjadikan mutu jawapan mereka dalam bahagian ini dianggap lemah.

Prestasi calon dalam Bahagian B menunjukkan peningkatan, khususnya dalam menentukan media dengan tepat dan menguasai teknik penghasilan graf, seperti yang dikehendaki oleh soalan. Namun begitu, masih terdapat calon yang gagal menyiapkan media dengan sempurna, menunjukkan bahawa kemahiran menganalisis dan mentafsir maklumat belum sepenuhnya dikuasai. Kecuaian dalam menulis tajuk, label pada paksi X dan Y, serta kesalahan dalam unit pengukuran di paksi Y turut menyebabkan calon kehilangan markah. Kekemasan dalam penghasilan media juga masih di bawah tahap yang diharapkan.

Dalam Bahagian C, kebanyakan calon tidak mampu mengemukakan lima idea yang relevan, seperti yang dikehendaki dalam skema jawapan. Hanya segelintir calon berjaya memberikan idea yang tepat, namun huraian mereka longgar dan kurang jelas menyebabkan keseluruhan esei tidak mantap. Masalah utama yang dihadapi oleh calon ialah ketidakfokusan terhadap kehendak soalan dan penyampaian idea yang tidak tepat.

Dari aspek bahasa, penggunaan dan penguasaan bahasa calon didapati kurang memuaskan. Banyak kesalahan bahasa dikesan, terutamanya kesalahan struktur ayat, seperti ayat yang tidak lengkap dan sukar difahami. Ayat yang panjang dan meleret-leret juga menjejaskan kejelasan maksud, manakala penggunaan ayat yang berunsur lisan dan ayat yang tergantung menambah lagi masalah dalam penulisan karangan. Kesalahan ejaan, tanda baca, dan tatabahasa turut mempengaruhi mutu jawapan.

Dari segi perancangan, kebanyakan calon tidak menunjukkan perancangan yang teliti sebelum menulis karangan. Esei calon kerap kali mengandungi idea dan huraian yang berulang, tidak relevan dengan soalan, serta berkisar pada satu aspek sahaja. Selain itu, jumlah perkataan yang digunakan juga tidak mencapai minimum yang ditetapkan, menyebabkan calon kehilangan markah dari aspek kebahasaan.

Secara keseluruhannya, prestasi calon masih perlu ditingkatkan dari segi pemahaman konsep, teknik menjawab soalan, dan penggunaan bahasa yang tepat untuk memperoleh keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan STPM.

### ***Komen soalan demi soalan***

#### **BAHAGIAN A: Soalan Struktur**

##### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon memberikan empat kesan yang sering berlaku akibat eksploitasi terhadap alam sekitar.

Antara kesan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Banjir/banjir kilat
- Degradasi tanah/ketandusan tanah
- Hakisan tanah
- Jerebu
- Kehilangan kepelbagaian biologi
- Kemusnahan ekosistem
- Kemusnahan habitat
- Kepupusan fauna/haiwan
- Kepupusan flora/tumbuhan
- Menjejaskan hidupan akuatik
- Menjejaskan kawasan tadahan air
- Menjejaskan sumber galian/mineral
- Pencemaran udara
- Penggondolan hutan
- Peningkatan suhu/pemanasan global
- Perubahan cuaca
- Perubahan landskap
- Sungai tercemar/pencemaran air
- Tanah runtuh

Secara keseluruhan, kebanyakan calon yang menjawab soalan ini menunjukkan kemampuan yang baik dalam memberikan idea yang memenuhi kehendak tugas dan markah yang diperuntukkan. Sebilangan besar calon dapat menghasilkan jawapan yang selaras dengan skema jawapan, membuktikan penguasaan mereka terhadap topik yang diuji.

Walaupun bagaimanapun, terdapat segelintir calon yang gagal mengemukakan idea dengan tepat. Ini menunjukkan bahawa mereka kurang memahami topik yang dibincangkan menyebabkan mereka tidak memperoleh sebarang markah untuk soalan ini.

Soalan ini hanya memerlukan calon memberikan idea tanpa perlu disertakan dengan huraian. Calon yang tidak dapat mengemukakan idea yang tepat ini cenderung kehilangan markah penting. Oleh itu, calon yang memahami kehendak soalan dan memberikan jawapan mengikut skema mempunyai kelebihan untuk memperoleh markah penuh.

## **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan dua tujuan prinsip Kesopanan dan Kesusilaan dalam Rukun Negara.

Antara tujuan yang boleh dinyatakan oleh calon ialah:

- Membina interaksi/komunikasi
- Mengelakkan konflik
- Meningkatkan sikap saling menghormati
- Merapatkan silaturahim/perhubungan
- Meningkatkan kerjasama
- Meningkatkan keharmonian
- Membina keterampilan/imej diri
- Meningkatkan toleransi
- Membentuk akhlak/moral yang mulia
- Mengukuhkan perpaduan

Mutu jawapan calon bagi soalan ini secara keseluruhannya adalah memuaskan. Kebanyakan calon berjaya memberikan idea yang baik dan memenuhi kehendak tugas dan markah yang diperuntukkan. Soalan ini mengandungi dua tugas, iaitu calon perlu menyatakan idea dan disertakan dengan penerangan atau huraian yang berkaitan. Prestasi calon menunjukkan bahawa majoriti calon mampu memberikan idea yang relevan serta penerangan yang memuaskan, sesuai dengan kehendak soalan.

Namun demikian, terdapat juga sebilangan calon yang hanya dapat mengemukakan satu idea yang tepat, menunjukkan kelemahan dalam penguasaan keseluruhan topik. Walaupun tahap pengetahuan umum calon terhadap idea yang diberikan boleh dikatakan baik, ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik, menyebabkan mereka tidak memperoleh markah yang memuaskan. Terdapat juga calon yang langsung tidak menjawab soalan ini, yang menonjolkan kelemahan persediaan mereka terhadap soalan yang memerlukan penerangan yang lebih mendalam.

## **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon memberikan tiga objektif Dasar Pandang ke Timur.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Membentuk budaya/nilai-nilai/etika/disiplin kerja positif
- Meningkatkan prestasi pengurusan dan pembangunan

- Mengutamakan bekerja sebagai satu pasukan
- Memperluas perdagangan
- Meningkatkan produktiviti
- Memupuk kesetiaan kepada negara/perusahaan/perniagaan/organisasi pekerjaan
- Mempertingkatkan pengetahuan/kemahiran teknologi
- Meningkatkan kecekapan
- Mengutamakan mutu/kualiti pengeluaran

Secara keseluruhan, mutu jawapan calon bagi soalan ini kurang memuaskan. Kebanyakan calon gagal memberikan idea yang sesuai dengan kehendak tugas dan tidak memenuhi skema pemarkahan yang ditetapkan. Sebilangan besar calon menghasilkan jawapan yang tidak relevan atau tidak menjawab soalan dengan tepat, menunjukkan tahap penguasaan yang lemah terhadap topik yang dikemukakan. Hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah bagi soalan ini.

Hanya sebilangan kecil calon sahaja yang berjaya memberikan satu idea dengan tepat. Ini mencerminkan kelemahan dalam pemahaman topik oleh calon. Soalan ini sebenarnya hanya memerlukan calon untuk menyatakan idea tanpa perlu memberikan penjelasan yang mendalam. Prestasi keseluruhan calon dalam soalan ini menonjolkan kelemahan dari segi penguasaan isi kandungan serta kurangnya pemahaman yang jelas terhadap kehendak soalan.

#### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon menyenaraikan empat prinsip Dasar Alam Sekitar Negara.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Pengawasan/keprihatinan/penjagaan/pemantauan/pemeliharaan alam sekitar
- Pemuliharaan ketahanan/kepelbagaian alam/ekosistem
- Peningkatan berterusan kualiti alam sekitar
- Penggunaan mapan sumber asli
- Membuat keputusan bersepadu
- Peranan/penyertaan sektor swasta
- Komitmen/kebertanggungjawaban
- Penyertaan aktif dalam masyarakat antarabangsa/serantau

Secara keseluruhan, prestasi jawapan calon bagi soalan ini kurang memuaskan. Kebanyakan calon gagal memberikan idea yang sesuai dan tidak memenuhi kehendak skema pemarkahan yang ditetapkan. Hasil jawapan menunjukkan calon kurang memahami topik yang dibincangkan, dengan sebilangan besar calon memberikan jawapan yang tidak relevan dan tidak tepat. Situasi ini menyebabkan calon kehilangan markah penuh yang diperuntukkan.

Sebilangan kecil calon berjaya mengemukakan satu atau dua idea yang tepat, namun hal ini menunjukkan bahawa penguasaan topik masih berada pada tahap yang lemah. Soalan ini hanya memerlukan calon untuk menyenaraikan idea tanpa perlu memberikan penjelasan terperinci.

Secara keseluruhan, prestasi jawapan calon dalam soalan ini mencerminkan kelemahan dalam menguasai fakta dan memahami kehendak soalan.

## **BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi**

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan peratus perubahan bilangan pelajar peringkat sarjana mengikut universiti awam terpilih dari tahun 2015 hingga tahun 2016 dan tahun 2016 hingga tahun 2017. Graf yang sesuai untuk dihasilkan berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan ialah graf bar memesong.

Secara keseluruhan, prestasi calon dalam menjawab soalan berkaitan dengan penghasilan media graf adalah memuaskan, dengan kebanyakan calon memperoleh markah yang baik. Mereka berjaya menyiapkan graf yang dikehendaki dengan tepat, namun terdapat segelintir calon yang melakukan kesilapan dalam penghasilan media, seperti graf garis memesong, graf bar kompaun, dan graf garisan bandingan yang menyebabkan mereka tidak memperoleh markah yang memuaskan.

Terdapat juga cabaran dalam penyediaan jadual persediaan yang jelas dan lengkap, yang mengakibatkan beberapa calon gagal menyiapkan penghasilan graf yang diperlukan. Walaupun ada calon yang berjaya menghasilkan media dengan tepat, banyak kesilapan teknikal yang ketara diperhatikan yang membawa kepada pemotongan markah yang signifikan.

Antara kesilapan teknikal yang sering dilakukan termasuk tidak menjarakkan bar daripada paksi Y secara seragam, pemilihan media yang tidak tepat, tajuk yang tidak lengkap atau salah, sumber maklumat yang tidak mencukupi, serta ketidakhadiran angka tahun pada paksi X. Selain itu, beberapa calon juga gagal menulis unit pada paksi, menuliskan nilai pada paksi Y dengan betul, dan memberikan label yang jelas dan lengkap di kedua-dua paksi X dan Y.

Beberapa calon juga mengabaikan aspek pewarnaan yang sistematik dalam penghasilan graf, dengan ada yang menggunakan teknik lorekan dan angka sebagai pengganti kepada teknik mewarna yang sepatutnya. Kesedaran terhadap elemen-elemen ini adalah penting untuk meningkatkan kualiti penghasilan media graf dalam peperiksaan akan datang.

### **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon menyediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan enrolmen pelajar mengikut etnik dan kategori sekolah di negeri Pahang pada tahun 2018.

Dalam analisis prestasi calon bagi soalan berkaitan dengan penghasilan carta pai, didapati bahawa jawapan yang tepat seharusnya mencakupi carta pai perbandingan dan media alternatif, seperti carta pai bertingkat. Malangnya, jawapan yang diberikan oleh calon seringkali dikategorikan sebagai salah media. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam menjawab soalan ini boleh dianggap kurang memuaskan.

Walaupun kebanyakan calon berjaya menyiapkan carta yang dikehendaki, markah yang diperoleh tidak memuaskan disebabkan oleh kesilapan teknikal yang ketara dalam penghasilan media yang dipilih. Terdapat juga masalah dalam penyediaan jadual persediaan, yang mengakibatkan beberapa calon gagal menyiapkan penghasilan carta yang diperlukan.

Antara kesilapan teknikal yang sering diperhatikan adalah ketiadaan unit bagi jumlah besar, pengiraan jumlah besar yang salah, serta tiada penulisan perkataan "jumlah." Selain itu, banyak calon gagal menghasilkan bulatan mengikut ukuran yang betul, menghasilkan sektor yang tidak mencukupi, dan memberikan tajuk yang tidak lengkap atau salah. Isu lain termasuk sumber maklumat yang tidak mencukupi, penulisan label yang salah atau tiada label, serta ketiadaan atau kesilapan dalam petunjuk

dan nisbah jejari. Beberapa calon juga gagal menyertakan simbol peratus dan melakukan kesilapan dalam aplikasi, nilai sudut dijadikan sebagai nilai peratus. Selain itu, nilai peratus sering diletakkan di luar carta untuk setiap sektor yang dihasilkan.

Walaupun terdapat calon yang berjaya menghasilkan media dengan tepat, banyak kesilapan teknikal yang menyebabkan pemotongan markah yang ketara. Terdapat juga calon yang mengabaikan aspek pewarnaan yang sistematik dalam penghasilan carta, dengan beberapa daripada mereka menggunakan simbol angka dan lorekan sebagai pengganti kepada teknik mewarna yang sepatutnya. Kesedaran terhadap elemen-elemen ini adalah penting untuk meningkatkan kualiti penghasilan carta pai dalam peperiksaan akan datang.

## **BAHAGIAN C: Soalan Esei**

### **Soalan 7**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan sumbangan sektor perindustrian kepada kemakmuran rakyat dan negara.

Antara sumbangan sektor perindustrian kepada kemakmuran rakyat dan negara adalah seperti yang berikut:

- Meningkatkan sumber pendapatan negara/rakyat
- Pemindahan/penggunaan
- Pertukaran/perkongsi teknologi moden
- Penggunaan bahan mentah secara cekap
- Isi/Idea
- Meningkatkan pelaburan asing
- Meningkatkan imej negara
- Meningkatkan pembangunan negara
- Menyediakan peluang pekerjaan
- Mengubah cara berfikir/gaya hidup masyarakat
- Meningkatkan kemahiran
- Meningkatkan kualiti hidup masyarakat
- Memperkasa keupayaan sektor tempatan
- Merangsang sektor pertanian negara
- Isi/Idea
- Mengurangkan kebergantungan negara kepada barangan luar
- Meningkatkan ekonomi negara
- Mewujudkan kepelbagaian ekonomi
- Meningkatkan daya saing negara
- Meningkatkan eksport negara
- Meningkatkan kepakaran

Mutu jawapan calon bagi soalan yang berkaitan dengan sumbangan sektor perindustrian kepada kemakmuran rakyat dan negara adalah memuaskan. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini mampu memberikan idea dan huraian dengan baik, serta membincangkan idea-idea yang relevan

dengan kehendak soalan. Keadaan ini menunjukkan bahawa jawapan mereka boleh dikategorikan sebagai menepati skema jawapan yang ditetapkan.

Namun, terdapat juga calon yang hanya mampu membincangkan satu atau dua idea sahaja, yang menyebabkan mereka tidak memperoleh markah yang baik. Sebaliknya, terdapat calon yang berjaya menghasilkan lima idea seperti yang dikehendaki dalam skema jawapan. Tahap pengetahuan dan huraian yang diberikan oleh calon juga boleh dianggap baik, walaupun ada segelintir calon yang hanya mengemukakan idea dengan tepat tetapi tidak menyampaikan huraian yang memuaskan atau jelas. Situasi ini mengakibatkan pemotongan markah bagi calon tersebut.

Jawapan yang sepatutnya dihasilkan oleh calon bagi tugas ini seharusnya mencakupi pelbagai aspek sumbangan sektor perindustrian, termasuk meningkatkan sumber pendapatan negara dan rakyat, pemindahan serta penggunaan teknologi moden, penggunaan bahan mentah secara cekap, dan peningkatan pelaburan asing. Di samping itu, calon juga perlu menyentuh tentang peningkatan imej negara, pembangunan negara, penyediaan peluang pekerjaan, perubahan cara berfikir dan gaya hidup masyarakat, serta peningkatan kemahiran dan kualiti hidup masyarakat.

Aspek lain yang penting termasuk memperkasa keupayaan sektor tempatan, merangsang sektor pertanian negara, mengurangkan kebergantungan kepada barangan luar, meningkatkan ekonomi negara, mewujudkan kepelbagaian ekonomi, dan meningkatkan daya saing negara serta eksport. Calon juga perlu mengambil kira pentingnya meningkatkan kepakaran dalam sektor perindustrian untuk memastikan kemakmuran yang berterusan bagi rakyat dan negara.

## **Soalan 8**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan kesan negatif kewujudan kawasan perumahan setinggan kepada negara.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Memburukkan pandangan/menjejaskan pemandangan
- Menyukarkan pembangunan
- Mengalakkan petempatan PATI
- Ancaman kesihatan
- Pencemaran air
- Menimbulkan pelbagai masalah sosial
- Menjejaskan imej negara
- Menjejaskan kesejahteraan penduduk sekitar
- Idea
- Menjejaskan pendapatan negara
- Meningkatkan kos pengurusan sisa domestik
- Lambakan sisa domestik

Mutu jawapan calon bagi soalan mengenai kesan negatif kewujudan kawasan perumahan setinggan kepada negara adalah memuaskan. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini mampu memberikan idea dan huraian dengan agak baik. Namun begitu, terdapat juga calon yang hanya dapat membincangkan antara satu hingga empat idea sahaja. Walaupun kebanyakan jawapan yang dihasilkan relevan, mereka tidak memenuhi lima idea yang sepatutnya diberikan, yang menunjukkan bahawa beberapa jawapan masih menepati kehendak tugas soalan.



Sebahagian calon menunjukkan keupayaan untuk mengemukakan idea dengan tepat, tetapi huraian yang dihasilkan tidak memuaskan atau tidak jelas. Tahap pengetahuan dan huraian bagi idea yang disampaikan oleh calon boleh dikategorikan sebagai kurang memuaskan, yang menyebabkan calon tidak mendapat markah yang baik.

Jawapan yang sepatutnya dihasilkan oleh calon bagi tugas ini seharusnya meliputi pelbagai kesan negatif kawasan perumahan setinggan, termasuk memburukkan pandangan dan menjejaskan pemandangan, menyukarkan pembangunan, serta menggalakkan petempatan pendatang asing tanpa izin (PATI). Selain itu, calon juga perlu menyentuh ancaman kepada kesihatan, pencemaran air, dan pelbagai masalah sosial yang mungkin timbul. Aspek lain yang penting adalah menjejaskan imej negara, mengganggu keselesaan penduduk sekitar, menjejaskan pendapatan negara, serta meningkatkan kos pengurusan sisa domestik dan lambakan sisa domestik.

Keberhasilan calon dalam memahami dan mengembangkan idea-idea ini adalah penting untuk memastikan mereka dapat memberikan jawapan yang lebih komprehensif dan berkesan dalam peperiksaan yang akan datang.

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 41 415 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 73.29% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	12.93	5.27	10.05	7.75	13.05	12.70	11.54	6.49	7.95	3.95	8.34

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

#### *Kunci jawapan*

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	6	C	11	A
2	B	7	C	12	C
3	C	8	A	13	C
4	B	9	B	14	D
5	A	10	D	15	B

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini untuk Bahagian A berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh calon, soalan aneka pilihan yang dikemukakan mempunyai aras kesukaran sederhana, iaitu pada julat 0.3 hingga 0.7. Hal ini dibuktikan apabila sebanyak 30% hingga 70% calon berjaya menjawab soalan aneka pilihan dengan betul.

### BAHAGIAN B DAN C: *Alih Bentuk Komunikasi dan Esei*

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon dalam peperiksaan ini boleh dikategorikan sebagai sederhana dan lemah. Walaupun calon dapat memahami kehendak soalan karangan dengan tepat, mereka memberikan idea yang tidak menepati skema jawapan. Terdapat beberapa kelemahan yang jelas dalam pengolahan isi, huraian, struktur ayat, serta kesalahan tatabahasa dalam jawapan mereka. Kelemahan ini dapat dilihat dalam jawapan bagi soalan 18, 19, dan 20. Sebahagian kecil calon hanya memberikan idea yang tidak relevan dan melakukan kesalahan dari segi tatabahasa dan struktur ayat.

Namun demikian, terdapat juga calon yang mampu mempersembahkan karangan dengan baik dan mencapai tahap cemerlang.

Untuk soalan Bahagian B, kebanyakan calon menunjukkan kemampuan yang baik dalam menjawab soalan 16 dan 17. Walaupun mereka memperoleh markah dalam bahagian analisis data, banyak calon mengemukakan idea yang tidak relevan berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat. Sebahagian kecil calon gagal menulis analisis data dengan tepat, tidak memberikan idea yang lengkap, dan tidak menulis jumlah serta peratus perubahan dengan betul. Oleh itu, mereka gagal memperoleh markah huraian yang baik. Bagi soalan 17, prestasi calon adalah lemah kerana mereka gagal membuat hubungan yang jelas dengan data, walaupun ada yang dapat menjelaskan strategi untuk menggalakkan penyertaan pelabur asing ke Malaysia. Kebanyakan calon menunjukkan ketelitian dari segi unit dan nilai yang terdapat dalam jadual, namun terdapat juga sebilangan kecil calon yang cuai dalam penulisan unit dan nilai.

Bagi soalan Bahagian C, respons calon didapati berada pada aras sederhana. Semua calon berusaha untuk menjawab kedua-dua soalan. Hampir keseluruhan calon mampu menjawab dua daripada tiga soalan yang diberikan, dengan kebanyakan memilih soalan 19 dan 20. Walaupun terdapat calon yang mampu menjawab soalan dengan baik, keseluruhan jawapan mereka berada pada tahap sederhana dan lemah. Hal ini dikatakan demikian kerana calon tidak mampu memberikan idea yang menepati skema, dan idea yang dihasilkan sering kali tidak jelas serta tidak relevan. Pengolahan idea yang lemah dan tahap pengetahuan yang lemah mengenai isu yang diberikan mencerminkan kurangnya pembacaan. Sebahagian kecil calon berjaya menulis karangan lengkap dengan 4 hingga 5 idea, tetapi jawapan mereka menyeleweng kerana idea yang diberikan tidak tepat. Calon juga gagal memenuhi syarat penulisan, seperti tidak mencapai jumlah 350 patah perkataan, menulis melebihi 400 patah perkataan, atau tidak menyertakan kesimpulan, yang mengakibatkan kehilangan markah dari aspek bahasa dan format.

Selain itu, dari aspek bahasa secara keseluruhannya, penguasaan bahasa calon berada pada tahap sederhana. Calon melakukan pelbagai kesalahan bahasa yang boleh menjejaskan mutu jawapan mereka. Antara kesalahan besar yang sering dilakukan termasuk:

- Ayat yang panjang dan kompleks sehingga maksud yang hendak disampaikan menjadi tidak jelas (salah semantik).
- Penggunaan tanda baca yang salah.
- Kesalahan ejaan.
- Kesalahan penggunaan imbuhan, seperti imbuhan "...kan", "di...kan", "meng...kan", dan "...an".
- Struktur ayat yang tidak gramatis (salah struktur), termasuk penggunaan kata hubung/penanda wacana yang tidak relevan, kesalahan dalam penggunaan kata hubung berpasangan, frasa lewah, seperti 'punca yang menyebabkan', kesalahan dalam penggunaan kata kerja transitif, dan kesalahan penggunaan kata tugas.

Kesalahan bahasa yang banyak telah menyebabkan calon tidak memperoleh markah penuh untuk bahasa.

## ***Komen soalan demi soalan***

### **BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi**

#### **Soalan 16**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan nilai import pertanian Malaysia mengikut komoditi terpilih dari tahun 2016 hingga tahun 2018 dan menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat.

Sebahagian besar calon menunjukkan kemampuan yang baik dalam menganalisis data perubahan mengikut kehendak soalan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan idea untuk bahagian analisis data perubahan dan perbandingan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa calon yang memberikan huraian data yang tidak lengkap. Kesalahan ini termasuk tidak menulis nilai perubahan dan peratus perubahan, disebabkan oleh pengabaian dalam pengiraan jumlah dan peratus perubahan. Sebahagian calon juga tidak mencatat nama negara yang mengalami perubahan dengan lengkap, contohnya, hanya menyebut satu negara tanpa menyatakan semua negara yang terlibat. Sebagai contoh, apabila calon menyatakan bahawa "nilai import pertanian Malaysia mengikut komoditi kelapa dari tahun 2016 hingga tahun 2018 meningkat," jawapan ini dianggap tidak lengkap.

Begitu juga, terdapat calon yang menyatakan idea tidak konsisten bagi analisis data tetapi tidak mencatat kedua-dua komoditi, iaitu beras dan buah-buahan, yang sepatutnya dilaporkan dalam analisis. Sebahagian kecil calon melakukan kesalahan yang tidak sepatutnya, seperti tidak menyertakan unit ribu dalam analisis mereka.

Antara idea analisis data yang sepatutnya dikemukakan oleh calon termasuk:

- Nilai import pertanian Malaysia mengikut komoditi kelapa dan florikultur dari tahun 2016 hingga tahun 2018 meningkat.
- Nilai import pertanian Malaysia mengikut komoditi sayur-sayuran dari tahun 2016 hingga tahun 2018 menurun.
- Nilai import pertanian Malaysia mengikut komoditi buah-buahan dan beras dari tahun 2016 hingga tahun 2018 tidak konsisten.
- Nilai import pertanian Malaysia tertinggi pada tahun 2016 dan 2017 ialah sayur-sayuran, manakala nilai import tertinggi pada tahun 2018 ialah buah-buahan, dan nilai import terendah pada tahun 2016 hingga 2018 ialah florikultur.

Calon juga mampu menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia untuk memastikan bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat. Antara jawapan yang dapat diberikan adalah mengaplikasikan teknologi moden, meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), mengimport produk makanan, meningkatkan stok penimbal makanan, membangunkan tanah terbiar untuk pertanian, mempelbagaikan produk makanan, dan meningkatkan produktiviti makanan. Walau bagaimanapun, beberapa langkah yang dikemukakan oleh calon dianggap tidak relevan, seperti meningkatkan sektor pertanian, meluaskan kawasan pertanian, memberikan bantuan modal kepada petani, menjalinkan hubungan diplomatik, dan meningkatkan kerjasama dengan negara lain.

Langkah-langkah yang sepatutnya dikemukakan oleh calon bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi adalah seperti yang berikut:

- Menggalakkan penanaman secara komersial
- Mengawal harga bekalan/produk makanan

- Mengaplikasikan teknologi moden
- Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D)
- Mengimport produk makanan
- Meningkatkan stok penimbal makanan/sekuriti makanan
- Memperkasakan dasar-dasar kerajaan berkaitan dengan bekalan makanan
- Kempen penghasilan makanan sendiri
- Membangunkan tanah terbiar untuk pertanian
- Mempelbagaikan produk makanan
- Meningkatkan kerjasama sektor pertanian dengan negara luar
- Meningkatkan produktiviti makanan

Secara keseluruhan, prestasi calon dalam analisis data dan huraian langkah-langkah ini mencerminkan pemahaman yang baik, tetapi masih memerlukan peningkatan dari segi ketepatan dan kedalaman analisis untuk memenuhi kehendak soalan.

### **Soalan 17**

Soalan ini mengkehendaki calon menghuraikan hubungan antara nilai pelaburan asing dengan peluang pekerjaan di Malaysia pada tahun 2018 dan pada tahun 2019 dan menjelaskan strategi untuk menggalakkan penyertaan pelabur asing ke Malaysia.

Bilangan calon yang memilih untuk menjawab soalan ini adalah sangat sedikit. Hal ini mungkin disebabkan oleh kefahaman yang lebih mudah mengenai soalan 16 berbanding dengan soalan 17. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi soalan ini boleh dikategorikan sebagai sederhana dan lemah, hanya segelintir calon yang mampu mengemukakan jawapan.

Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat mengemukakan idea hubungan kait yang relevan, termasuk hubungan antara jumlah pelaburan dan peluang pekerjaan yang meningkat; peningkatan nilai pelaburan dan peluang pekerjaan dari negara Amerika Syarikat dan Singapura; serta penurunan nilai pelaburan dan peluang pekerjaan dari negara Jepun. Namun, ramai calon kehilangan markah kerana huraian data yang tidak lengkap atau tidak memberikan hubungan yang komprehensif. Kelemahan ini mengakibatkan calon gagal memperoleh markah penuh untuk idea yang disampaikan.

Dalam bahagian analisis pengetahuan mengenai strategi untuk menggalakkan penyertaan pelabur asing ke Malaysia, kebanyakan calon menyatakan beberapa jawapan seperti meningkatkan kestabilan politik, memperbaiki tadbir urus yang baik, dan menyediakan infrastruktur yang lengkap. Terdapat juga calon yang mengemukakan idea yang dianggap tidak relevan, termasuk meningkatkan kerjasama dengan negara luar, menjalin hubungan antara negara, menjamin kedaulatan negara, mengekalkan keselamatan negara, dan penggunaan tenaga pakar.

Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon untuk hubungan kait data adalah seperti yang berikut:

- Jumlah pelaburan dan peluang pekerjaan meningkat.
- Nilai pelaburan dan peluang pekerjaan meningkat dari negara Amerika Syarikat dan Singapura.
- Nilai pelaburan dan peluang pekerjaan menurun dari negara Jepun.
- Nilai pelaburan meningkat, tetapi peluang pekerjaan menurun dari negara United Kingdom.
- Nilai pelaburan menurun, tetapi peluang pekerjaan meningkat dari negara China.

Untuk analisis pengetahuan mengenai strategi untuk menggalakkan penyertaan pelabur asing ke Malaysia, jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Melaksanakan dasar kerajaan yang mesra pelabur asing.
- Memastikan kestabilan politik.
- Meningkatkan kerjasama ekonomi, perdagangan, dan pelaburan dengan negara luar.
- Memantapkan tadbir urus dan tatakelola yang baik.
- Menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang lengkap.
- Menyediakan keperluan tenaga kerja.

Secara keseluruhannya, calon perlu meningkatkan pemahaman dan kejelasan dalam menjawab soalan ini agar dapat memperoleh markah yang lebih baik.

### **BAHAGIAN C: Soalan Esei**

#### **Soalan 18**

Calon yang menjawab soalan ini secara keseluruhannya gagal memahami kehendak soalan dengan baik. Akibatnya, ramai calon memberikan penjelasan mengenai kepentingan kerjasama ekonomi ASEAN dan kerjasama sosial ASEAN, tetapi hasilnya ialah idea-idea yang tidak relevan, seperti meningkatkan pendapatan negara dan meluaskan peluang pekerjaan. Terdapat juga calon yang memberikan huraian yang tidak tepat, menjadikan jawapan mereka semakin tidak relevan. Sebagai contoh, terdapat calon yang menyebut penyertaan dalam Zon Perdagangan Bebas ASEAN dan menyertai Segi tiga Pertumbuhan Ekonomi tanpa mengaitkannya secara langsung dengan kerjasama ekonomi dan sosial.

Namun begitu, ada calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik telah memberikan penjelasan mengenai peranan Malaysia dalam konteks kerjasama ekonomi, termasuk usaha untuk meluaskan pasaran, pemindahan teknologi, dan meningkatkan pelaburan. Dalam konteks kerjasama sosial, mereka juga menyentuh tentang meningkatkan pendidikan, menganjurkan aktiviti sukan, dan meningkatkan kerjasama kebudayaan.

Malangnya, kebanyakan calon yang menjawab soalan 18 tidak memperoleh markah yang baik kerana banyak jawapan yang menyeleweng daripada fokus soalan. Ini mungkin disebabkan oleh pengabaian frasa “kerjasama ekonomi/kerjasama sosial” dalam penulisan idea, yang menyebabkan esei mereka tidak menepati kehendak skema jawapan.

Jawapan yang sepatutnya dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

Peranan Malaysia melalui kerjasama ekonomi:

- Meningkatkan perdagangan
- Meningkatkan usaha sama dalam pelbagai projek ekonomi
- Menggalakkan dan meningkatkan pelaburan
- Membentuk dan memperkasa kawasan pertumbuhan baharu ekonomi
- Menambah baik dasar-dasar ekonomi sedia ada
- Menambah baik peraturan dan undang-undang berkaitan dengan pengambilan tenaga kerja asing
- Peluasan dan peningkatan pasaran

- Meningkatkan perkongsian
- Pemindahan teknologi
- Meningkatkan pelancongan

Peranan Malaysia melalui kerjasama sosial:

- Memperluas peluang pendidikan
- Mempergiatkan penganjuran dan penyertaan sukan
- Memperbanyak perkongsian kebudayaan dan kesenian
- Meningkatkan kerjasama pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar
- Meningkatkan kerjasama dalam bidang kesihatan
- Meningkatkan kerjasama dalam jaminan bekalan makanan
- Meningkatkan kerjasama untuk membanteras jenayah dan keganasan
- Menyelesaikan isu sosial secara rundingan
- Meningkatkan kerjasama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
- Meningkatkan kerjasama dalam pengurusan bencana

Kesimpulannya, calon perlu lebih menekankan pemahaman terhadap kehendak soalan dan memberikan jawapan yang lebih relevan agar dapat memperoleh markah yang lebih baik.

### **Soalan 19**

Soalan ini meminta calon untuk menghuraikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh Malaysia dalam menerima pelarian dari negara luar. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding dengan soalan-soalan esei lain. Mereka menunjukkan pemahaman yang jelas terhadap kehendak soalan dan dapat memberikan beberapa idea yang relevan, termasuk keselamatan terjejas, beban kos yang tinggi, ancaman penyakit berjangkit, peningkatan jenayah, imej negara yang terjejas, dan budaya negatif pelarian.

Walau bagaimanapun, terdapat juga calon yang mengemukakan masalah yang tidak relevan, seperti ancaman kesihatan, masalah sosial yang meningkat, isu petempatan setinggan, kesan terhadap peluang pekerjaan penduduk tempatan, dan pencemaran alam sekitar. Terdapat sebahagian kecil calon yang tidak memahami maksud pelarian dan memberikan penjelasan mengenai pendatang tanpa izin tanpa mengaitkannya dengan konteks pelarian. Kesalahan ini menyebabkan jawapan mereka menjadi menyeleweng dan tidak relevan.

Calon sepatutnya menghuraikan idea-idea yang lebih tepat seperti yang berikut:

- Ancaman keselamatan atau keselamatan terjejas
- Menanggung beban kewangan, kos, atau perbelanjaan yang tinggi
- Ancaman penyakit berjangkit
- Desakan menerima masuk pelarian
- Ancaman jenayah
- Pencerobohan tanah

- Imej negara terjejas
- Kesukaran dalam pemantauan terhadap pelarian
- Budaya negatif pelarian

Kesimpulannya, calon perlu lebih peka terhadap kehendak soalan dan memastikan bahawa mereka memberikan jawapan yang relevan untuk mendapatkan markah yang lebih baik.

### **Soalan 20**

Soalan ini meminta calon menjelaskan kepentingan pemeliharaan alam sekitar untuk kelestarian hidup manusia dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Malaysia dan negara-negara dunia untuk melestarikan alam sekitar. Sebahagian calon menunjukkan pemahaman terhadap kehendak soalan, tetapi gagal mengemukakan idea dengan tepat. Terdapat juga calon yang kurang memahami kehendak soalan, dengan menjawab sebahagian daripada kehendak soalan tersebut. Calon yang tidak memahami soalan ini cenderung memberikan jawapan mengenai kepentingan pemeliharaan alam sekitar secara umum, atau sekadar mengemukakan langkah-langkah untuk melestarikan alam sekitar.

Contoh idea yang dikemukakan oleh calon tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar untuk kelestarian hidup manusia termasuk sumber makanan, jaminan kesihatan manusia, dan sumber bekalan air bersih. Namun begitu, terdapat juga idea yang tidak relevan, seperti meningkatkan pelancongan, mengelakkan penyakit berjangkit, melestarikan alam sekitar secara umum, dan melindungi flora dan fauna berharga. Ini menunjukkan bahawa calon tidak sepenuhnya memahami kehendak soalan, yang menekankan kepentingan pemeliharaan alam sekitar khususnya untuk kelestarian hidup manusia.

Dalam aspek langkah-langkah yang perlu diambil oleh Malaysia dan negara-negara lain untuk melestarikan alam sekitar, calon dapat menyebut beberapa langkah seperti meningkatkan program pendidikan alam sekitar, meningkatkan penggunaan teknologi mesra alam, memperkasakan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan alam sekitar, dan mengadakan kempen kesedaran alam sekitar. Namun begitu, terdapat juga beberapa cadangan yang tidak relevan, seperti menanam semula pokok, mewartakan hutan, mengurangkan pembakaran terbuka, dan meningkatkan kerjasama dengan negara luar.

Calon sepatutnya mengemukakan jawapan yang lebih tepat seperti yang berikut:

Kepentingan pemeliharaan alam sekitar:

- Menjamin kesejahteraan hidup
- Membekalkan sumber makanan
- Menjadi sumber untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D)
- Menyediakan sumber perubatan
- Menjamin kesihatan manusia
- Menjamin kelangsungan hidup generasi akan datang
- Membendung masalah pencemaran
- Menjamin bekalan sumber air bersih
- Manusia menikmati keindahan alam sekitar



Langkah Malaysia dan negara-negara dunia untuk melestarikan alam sekitar:

- Meningkatkan program pendidikan alam sekitar
- Meningkatkan penggunaan teknologi mesra alam
- Menyertai atau mengadakan dialog dan forum antarabangsa berkaitan dengan alam sekitar
- Menyalurkan sokongan kepada negara luar
- Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan alam sekitar
- Menandatangani perjanjian antarabangsa
- Melaksanakan matlamat pembangunan lestari (SDG)
- Mengadakan kempen kesedaran alam sekitar
- Meningkatkan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D)

Kesimpulannya, calon perlu lebih berhati-hati dalam memahami kehendak soalan dan memberikan jawapan yang relevan agar dapat memperoleh markah yang lebih baik.





**Laporan Peperiksaan**

# **STPM 2023**



**Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.** (89120-H)



**Majlis Peperiksaan Malaysia**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)